

Jenis Akhbar : **Harian Metro**  
Tarikh : **07/03/2017**  
Edisi / Muka Surat : **Nasional / 45**

**"Berbeza dengan portal sedia ada, Shopeera bukan saja menawarkan produk dengan harga lebih rendah, malah turut boleh dihubungkan dengan media sosial"**  
Shaharuddin Mohamed

bisnes

45

HARIAN METRO



NAIB Presiden ANGKASA Mutadho Bahri (tiga dari kiri) bersalaman dengan Phan pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama.

## Kendali Shopeera

■ **MyAngkasa, D&B Concepts unjur transaksi jualan RM3j sebulan**

Syarifah Dayana Syed Bakri  
dayana@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**M**yAngkasa Holdings Sdn Bhd (MyAngkasa), menjalin kerjasama dengan D&B Concepts Sdn Bhd bagi mengendalikan portal beli-belah Shopeera dengan jangkaan transaksi jualan mencecah RM3 juta sebulan.

Ketua Pegawai Eksekutif MyAngkasa Shaharuddin Mohamed berkata, pihaknya yakin Shopeera tampil dengan sedikit perbezaan ber-

banding portal beli-belah lain yang ada di pasaran.

"Berbeza dengan portal sedia ada, Shopeera bukan saja menawarkan produk dengan harga lebih rendah, malah turut boleh dihubungkan dengan media sosial.

"Ini bermakna pengguna yang berkongsi pautan ke portal ini di laman sosial masing-masing akan dibekalkan mata ganjaran," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama, di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya juga akan membuka ruang kepada anggota Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia

Berhad (Angkasa) untuk menawarkan produk mereka di portal berkenaan.

"Setakat ini, terdapat 13,000 koperasi di bawah Angkasa, namun tidak semua mempunyai produk atau perkhidmatan untuk dipasarkan.

"Kami membuka peluang ini kepada mana-mana anggota Angkasa untuk memanfaatkan platform ini dengan menawarkan produk atau perkhidmatan yang dapat diakses di seluruh negara seperti perkhidmatan pakej umrah atau pakej perkahwinan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pe-

gawai Eksekutif D&B Concepts Danial Phan berkata, portal berkenaan akan menawarkan sehingga 20,000 produk daripada 130 peniaga dengan anggaran harga ditawarkan 20 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

"Dengan kerjasama yang dijalin bersama MyAngkasa, kami mempunyai pembeli sedia ada mencecah 7.5 juta dan secara tidak langsung membantu kami menjimatkan kos pemasaran.

"Kami juga merancang untuk menembusi pasaran Indonesia bulan depan, diikuti Filipina dan China pada tahun ini," katanya.

07-03-2017

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia